

21/10/2008

SELASA

15

Utusan
MALAYSIA

Lanun: Pemilik kapal dapatkan khidmat profesional

KLANG 20 Okt. - Para pemilik kapal di negara ini bercadang menggunakan khidmat syarikat keselamatan profesional semasa melalui Teluk Aden bagi melindungi mereka daripada ancaman lanun.

Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia (Masa), Kapten Intiaz Hussein berkata, cadangan tersebut dikemukakan hasil perbincangan khas dan pertukaran maklumat di antara mereka berikutan kejadian dua kapal milik MISC Berhad ditawan lanun baru-baru ini.

Namun, jelas beliau, masih terlalu awal untuk para pemilik kapal membuat sebarang keputusan disebabkan beberapa faktor, antaranya kos yang terlalu tinggi dan langkah tersebut dilihat hanya bersifat sementara.

"Kejadian yang pertama kali berlaku ke atas kapal Malaysia itu menyebabkan para pemilik kapal berkongsi maklumat bagi mencari jalan untuk mengatasi ancaman lanun di kawasan tersebut.

"Sebagai langkah pencegahan, kita mungkin terpaksa menggunakan khidmat syarikat keselamatan," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis Hari Terbuka Pelaut anjuran Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) di sini hari ini.

Pada 19 Ogos lalu, kapal milik MISC, MT Bunga Melati 2 dengan 39 anak kapal dirampas oleh lanun di Teluk Aden berdekatan Somalia dan Yeman semasa dalam perjalanan dari Dumai ke Rotterdam.

Sepuluh hari kemudian, sebuah lagi kapal milik MISC, MT Bunga Melati 5 dengan 36 anak kapal dirampas di perairan sama semasa dalam perjalanan dari Yanbu, Arab Saudi ke Singapura.

Bagaimanapun, kesemua anak kapal dibebaskan selepas masing-masing menjadi tebusan selama 35 hari dan 42 hari setelah MISC membayar sejumlah wang tebusan.

Sementara itu, pada majlis tersebut, Ketua Pengarah Laut, Datuk Kapten Ahmad Othman menyampaikan cenderahati sebagai ucapan selamat kembali kepada Kaepiten Kapal MT Bunga Melati 5, Kapten M. Maheswaran dan wakil Kapal MT Bunga Melati 2, Pegawai Kedua, Mohd. Faidzal Mohd. Din.